

STPM Kertas 1 2016:

Soalan 5

- (a) Berikan dua contoh jenis kesilapan yang tidak menjejaskan imbalan duga. (2 markah)
- (b) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan kawalan dalaman? (2 markah)
- (ii) Nyatakan dua kepentingan kawalan dalaman. (2 markah)
- (c) Yang berikut merupakan catatan jurnal sepanjang bulan pertama firma ID Design.

Tarikh	Urus niaga	RM	RM
1 Jun	Dt. Modal Isma Daniel Kt. Tunai Merekod pelaburan tunai ke dalam perniagaan	30,000	30,000
2 Jun	Dt. Belanja sewa Kt. Tunai Merekod bayaran sewa pejabat untuk satu tahun bermula Jun 2014.	15,000	15,000
3 Jun	Dt. Bekalan pejabat Kt. Akaun belum bayar Merekod belian bekalan pejabat secara kredit	5,000	5,000
5 Jun	Dt. Perabot dan peralatan Kt. Akaun belum bayar Merekod belian perabot dan peralatan secara kredit	24,000	24,000
8 Jun	Dt. Tunai Kt. Hasil perkhidmatan Merekod penerimaan tunai bagi yuran khidmat rundingan	4,500	4,500
19 Jun	Dt. Akaun belum terima Kt. Hasil perkhidmatan Merekod hasil yuran perkhidmatan yang belum diterima bayarannya.	13,400	13,400
25 Jun	Dt. Tunai Kt. Hasil perkhidmatan Merekod penerimaan tunai dari pelanggan bagi penjelasan hutang.	10,000	10,000
26 Jun	Dt. Akaun belum terima Kt. Tunai Merekod penjelasan 50% hutang belian perabot dan peralatan.	12,000	12,000
29 Jun	Dt. Belanja gaji Kt. Tunai Merekod pengeluaran tunai oleh Isma Daniel untuk kegunaan peribadi.	5,200	5,200
30 Jun	Dt. Tunai Kt. Hasil perkhidmatan Merekod penerimaan tunai dari pelanggan sebagai bayaran pendahuluan.	5,000	5,000

30 Jun	Dt. Tunai Kt. Modal Merekod pelaburan modal tambahan dalam bentuk tunai	10,000	10,000
30 Jun	Dt. Belanja utiliti Kt. Belanja utiliti belum bayar Merekod belanja utiliti yang belum dibayar	800	800

Tatacara berikut menjadi amalan ID Design.

- (1) Semua dokumen seperti invois dan resit mempunyai nombor bersiri serta salinan pendua.
- (2) Pembayaran bagi amaun melebihi RM200 dibuat melalui cek yang perlu ditandatangani oleh pemilik perniagaan, iaitu Isma Daniel. Cek disimpan dalam laci berkunci dan kuncinya dipegang oleh beliau.
- (3) Tunai runcit diwujudkan bagi perbelanjaan yang kurang dari RM200. Kerani akaun dibenarkan membuat pembelian dan pembayaran keperluan pejabat tanpa perlu mendapat kelulusan Isma Daniel.
- (4) Pekerja yang sama ditugaskan untuk menghantar barang niaga, menyediakan bil, dan menerima bayaran dari pelanggan.

Dikehendaki :

- (i) Kenal pasti catatan jurnal yang salah dan bagi setiap catatan tersebut sediakan catatan yang sepatutnya disediakan pada tarikh urus niaga. Andaikan penerangan yang diberikan bagi setiap catatan yang disediakan di atas adalah betul. (6 markah)
- (ii) Bagi setiap tatacara yang disenaraikan di atas, tentukan sama ada tatacara tersebut merupakan contoh kawalan dalaman yang baik atau yang lemah. Nyatakan prinsip-prinsip kawalan dalaman yang berkaitan. (8 markah)